

**SOALAN NO. 73****PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT TUAN MOHAMED HANIPA  
BIN MAIDIN [SEPANG]

**TARIKH :** 1 OGOS 2017

**SOALAN :**

YB Tuan Mohamed Hanipa Bin Maidin [Sepang] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah butiran kos sebenar secara terperinci yang telah dibelanjakan oleh Kerajaan bagi percutian Perdana Menteri dan keluarga yang bercuti di Pulau Bali, Indonesia termasuk kos perbelanjaan 23 para pengiring beliau.

**JAWAPAN:** YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan hanya menanggung kos perbelanjaan melibatkan program/lawatan rasmi sahaja manakala elauan dan kelayakan lain bagi Menteri, Timbalan Menteri, Timbalan Perdana Menteri dan Perdana Menteri adalah seperti yang diperuntukkan di bawah Akta Ahli Parlimen (Saraan) 1980.

Sekian, terima kasih.